

PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN TEMPOH PENYERAHAN MILIKAN KOSONG DI BAWAH PERATURAN 11(3), PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) (PINDAAN) 2002

<i>Bil.</i>	<i>Dokumen yang diperlukan</i>	<i>Keterangan</i>
1.0	BORANG PERMOHONAN	
	<i>(Tiada borang khusus digunakan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i>
2.0	DOKUMEN SOKONGAN	
2.1	Nyatakan sebab dan alasan yang jelas dan kukuh berkenaan permohonan	
2.2	Jenis-jenis rumah yang dipohon serta bilangan unit terlibat	
2.3	Tarikh projek dimulakan	
2.4	Tempoh lanjutan masa yang dipohon – nyatakan bulan dan sehingga tarikh bila rumah dijangka dapat diserahkan kepada pembeli	
2.5	Lampiran berjadual senarai kesemua lot dan unit rumah, para pembeli yang terlibat, tarikh perjanjian jual beli ditandatangani, tarikh perjanjian jualbeli tamat, tarikh sebenar rumah dapat diserahkan kepada pembeli atau dijangka dapat diserahkan kepada pembeli yang dinyatakan secara turutan berdasarkan tarikh perjanjian jualbeli terawal ditandatangani.	
2.6	Segala dokumen surat-menyurat dengan pihak Berkuasa, Arkitek, Jurukur, dan pihak-pihak berkaitan bagi menyokong permohonan untuk lewat penyerahan milikan kosong.	

Catatan:

- * *Sekiranya pemaju tidak berpuashati dengan keputusan yang telah dibuat oleh Pengawal Perumahan untuk melanjutkan tempoh serahan milikan kosong di bawah Peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan(K&P)(Pindaan)2002, pemaju boleh mengemukakan rayuan di bawah Peraturan 12, Peraturan yang sama. Permohonan rayuan tersebut perlu mengemukakan dokumen yang sama sebagaimana permohonan perlanjutan di bawah Peraturan 11(3) di atas.*